

07/12/2000

## Perisytiharan Unesco naikkan imej Taman Kinabalu

Shamsul Kamal Amarudin

PENGISYTIHARAN Taman Negara Kinabalu sebagai Tapak Warisan Dunia ke-128 pada mesyuarat tahunan ke-24 Jawatankuasa Warisan Dunia minggu lalu, sebenarnya membongkar lagi potensi sedia ada tetapi tidak kurang diberi perhatian di bumi Kundasang.

Sebelum ini, Kundasang memang cukup dikenali dengan kemegahan serta tarikan semulajadi Gunung Kinabalu yang mempunyai ketinggian 4,095.2 meter dari paras laut, puncak tertinggi di Asia Tenggara.

Tahun lalu, potensi Kundasang diteroka menerusi penganjuran kejohanan sukan lasak seperti Larian Gunung Sedunia, aktiviti tahunan Kejohanan Climbathon Antarabangsa Kinabalu serta pertandingan Luncur Udara dan Paragliding hasil ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tarikan Gunung Kinabalu dan kesegaran udara serta pemandangan bumi Kundasang, hampir melupakan pengunjung terhadap keunikan di Taman Negara Kinabalu itu sendiri.

Justeru, pengisytiharan oleh Jawatankuasa Warisan Dunia yang bernaung di bawah Jawatankuasa Pendidikan, Sains dan Budaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco), di Cairns, Australia itu secara tidak langsung mempertingkatkan lagi imej dan kedudukan Taman Negara Kinabalu dan Kundasang sendiri sebagai kawasan tumpuan pengunjung dari seluruh dunia.

Pemilihan Taman Kinabalu bersama Taman Negara Mulu di Sarawak membolehkan kedua-dua taman negara itu menjadi kawasan pertama di Malaysia menerima pengiktirafan tapak warisan dunia bagi kawasan alam semulajadi.

Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam, menganggap pengiktirafan itu memberi peluang taman negara itu beroperasi dalam keadaan bukan `berseorangan', sebaliknya kini boleh mendapatkan pelbagai tenaga kepakaran teknikal meliputi bantuan latihan dan pendidikan daripada masyarakat antarabangsa bagi membangunkan lagi keunikan sedia ada.

Taman Negara Kinabalu yang mempunyai keluasan 75,370 hektar diwartakan sebagai Taman Negara pada 1964.

Ketika ini, Taman Kinabalu dianggarkan mempunyai antara 5,000 hingga 6,000 spesies tumbuhan meliputi 210 jenis keluarga flora serta kira-kira 1,000 genera. Dianggarkan juga terdapat 1,000 spesies orkid dengan 711 spesies daripadanya sudah dikenal pasti.

Terdapat 90 spesies haiwan mamalia tanah rendah, meliputi 21 spesies kelawar, 22 spesies montane mammal, 326 spesies burung, 61 spesies katak serta 850 spesies rama-rama serta kupu-kupu.

Selain menjadi tempat perlindungan habitat semulajadi, Taman Kinabalu juga mempunyai enam taman pemuliharaan `in situ' di bawah kendalian Taman-Taman Sabah, meliputi Taman Gunung Kinabalu di kawasan ibu pejabat, Taman Nepenthes di Mesilau Nature Resort, selain Pusat Pemuliharaan Orkid, Taman Tropika, Ladang Kupu-kupu serta Taman Ethnobotani, yang semuanya terletak di kawasan Poring.

Selain itu, taman berkenaan juga mempunyai sekurang-kurangnya lima zon semulajadi yang menarik dan belum tercemar, iaitu kawasan air terjun, air panas, granit, laluan ke puncak serta keluasan hutan hujan tropikanya.

Osu berkata, pemilihan Taman Kinabalu sebagai warisan dunia terbaru berdasarkan kedudukannya sebagai tapak penting dalam menyediakan habitat semulajadi untuk pemuliharaan `in situ' bagi kepelbagaian biologi.

Menurut beliau, pemilihan itu secara tidak langsung mempertingkatkan lagi minat pelbagai pihak, khususnya di kalangan penyelidik dan saintis, untuk melakukan kajian ekosistem, biodiversiti serta masyarakat di kawasan Taman

Kinabalu.

Dalam masa sama, pemilihan itu juga secara tidak langsung meningkatkan lagi publisitinya di seluruh dunia dan terus meletakkan Sabah dalam peta pelancongan antarabangsa.

Malah, dalam tempoh tiga tahun lalu, kedatangan pelancong ke kawasan Kundasang, khususnya Taman Kinabalu, didapati semakin meningkat. Di Taman Kinabalu saja, 180,710 pengunjung dicatatkan pada 1998 dengan 21,423 adalah warga asing dan ia meningkat kepada 193,733 orang dengan membabitkan 32,336 pelancong asing sepanjang tahun lalu manakala seramai 169,578 dengan 84,444 adalah warga asing dicatatkan dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini.

Pertambahan pengunjung juga dicatatkan di kawasan Kolam Air Panas Poring apabila seramai 150,428 orang mengunjunginya pada 1998 dengan 43,357 daripadanya adalah warga asing. Tahun lalu, pengunjung yang dicatatkan ialah 196,104 orang dengan 77,307 adalah warga asing dan dalam tempoh Januari hingga September tahun ini pula, seramai 181,368 pengunjung dengan 90,500 adalah warga asing.

Seramai 22,937 orang dengan 10,065 adalah warga asing mendaki Gunung Kinabalu pada 1998. Ia meningkat kepada 32,715 orang membabitkan 13,968 warga asing tahun lalu. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, seramai 29,709 orang, termasuk 12,868 warga asing, mendaki Gunung Kinabalu.

Walaupun berlaku pertambahan pengunjung saban tahun, kerajaan negeri masih tidak begitu berpuas hati memandangkan kehadiran mereka bukan untuk tinggal dalam tempoh yang lama, sebaliknya berkunjung sekejap atau sehari saja sebelum kembali ke Kota Kinabalu.

Justeru, kerajaan negeri sedang memikirkan cara untuk membangunkan potensi dan keunikan di Kundasang dan Taman Kinabalu menjadi pusat pelancongan serta tapak peranginan secara besar-besaran.

"Kami sedang memikirkan bagaimana mahu menjadikan Kundasang sebagai kawasan peranginan dalam skala lebih luas, iaitu sebagai tempat untuk berehat seisi keluarga dalam tempoh yang lebih panjang," kata Osu.

Ketika ini, katanya, kerajaan negeri sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa pengusaha pelancongan, termasuk seorang pemaaju hartanah berwibawa dan terkenal, untuk melabur dan membantu membangunkan Kundasang menjadi pusat pelancongan disegani di seluruh dunia.

Beliau bagaimanapun berkata, pembangunan yang akan dilakukan itu akan memastikan keunikan dan kecantikan alam semula jadi sedia ada tidak akan disentuh sama sekali, sebaliknya apa yang dilakukan ialah memastikan aspek persekitaran dan alam sekitar menjadi tarikan utama pengunjung ke kawasan berkenaan.

Setakat ini, katanya, maklum balas daripada pengusaha pelancongan itu amat menggalakkan dan mereka menunjukkan minat yang tinggi terhadap usaha berkenaan.

Kedudukan Taman Kinabalu dan Mulu kini sebaris dengan Terumbu Besar di Australia, Taman Negara Komodo di Indonesia, Taman Negara Sagarmatha yang turut meliputi Gunung Everest di Nepal, Pulau Galapagos di Ecuador serta Grand Canyon dan Yellowstone di Amerika Syarikat, yang akan terus dikekalkan dengan kedudukan alam semulajadinya, sekali gus menjadi tumpuan dan kesayangan masyarakat antarabangsa.

(END)